

Bangunan Sekolah Undang-Undang SMU mula dibina

PEMBINAAN bangunan Sekolah Undang-Undang Universiti Pengurusan Singapura (SMU) di Armenian Street bermula semalam dengan majlis pecah tanah dijalankan.

Terletak berdekatan Mahkamah Tinggi, ia dijangka siap menjelang 2017.

Sekolah itu berharap dapat memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar undang-undang SMU menerusi kemudahan terkini dalam bangunan itu.

Majlis tersebut dihadiri Peguam Negara, Encik Steven Chong, bersama 250 tetamu termasuk anggota fakulti, pelajar dan rakan-rakan SMU.

Kemudahan utama yang akan disepadukan dalam sekolah seluas 22,000 meter persegi itu ialah Perpustakaan Undang-Undang Kwa Geok Choo, yang dinamakan bagi memperingati mendiang isteri mantan perdana menteri Lee Kuan Yew.

Mendiang Kwa seorang peguam.

Perpustakaan seluas 2,600 meter persegi itu berbentuk mutiara dan dilengkapi dengan teknologi moden bagi kajian undang-undang dalam abad ke-21 ini.

Antara kemudahan lain yang bakal didirikan ialah Gelanggang Moot David Marshall dan Pusat Pro Bono SMU.

Bangunan baru itu juga akan menempatkan pusat-pusat penyelidikan lain bagi kajian yang relevan mengenai isu undang-undang setempat dan rantau serta digunakan bagi mengadakan persidangan dan seminar.

Pusat-pusat tersebut dan kemudahan pengajaran dalam bangunan itu akan juga membantu mempertingkatkan kerjasama dengan entiti awam dan pertubuhan swasta.

Sekolah Undang-Undang SMU menerima kohort pertamanya seramai 116 pelajar pada Ogos 2007.

Kohort ke-10 pada 2017 dijangka memulakan pengajian di bangunan baru tersebut.

Buat masa ini, sekolah itu berkongsi bangunan dengan Sekolah Perakaunan.

Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer, berkata lokasi kampus SMU berdekatan mahkamah akan membolehkan hubungan rapat dijalin antara pelajar, alumni dan peguam.

"Bangunan baru, dengan kemudahan yang disepadukan, akan menggalak hubungan dan pendekatan lebih lanjut lagi kerana ia akan menyediakan lokasi ideal bagi pelajar, alumni dan peguam bertemu dan berinteraksi," kata beliau.